

RINGKASAN EKSEKUTIF

KERTAS CADANGAN	:	Permohonan Peruntukan Untuk Perkhidmatan Konsultan Bagi Projek Pembangunan Sistem <i>Team Excellence</i> (KIK/ICC) di Pejabat Tanah Daerah Tangkak
TARIKH PELAKSANAAN	:	Jun 2021 - September 2021
KOS YANG TERLIBAT/ PERUNTUKAN	:	BAJET: OPERASI Yuran Pembangunan Sistem: RM21,500.00 Anggaran Perbelanjaan : RM14,000.00 Anggaran Lebihan (Hasil) : RM7,500.00
BAHAGIAN/UNIT/WILAYAH	:	OED/MPC Wilayah Selatan
IMPAK	:	• Memenuhi permintaan pelanggan untuk melaksanakan projek Pembangunan Sistem <i>Team Excellence</i> (KIK/ICC). • Membantu pelanggan untuk membuat persediaan menyertai RISTEx 2021 dengan memenuhi kriteria penyertaan yang sewajarnya.
BAKI PERUNTUKAN YANG ADA / TANDATANGAN KETUA AKAUNTAN	:	
KOMEN / TANDATANGAN PENGURUS PCT	:	

KERTAS CADANGAN UNTUK PERTIMBANGAN
LEMBAGA PENGURUSAN MPC

PERMOHONAN PERUNTUKAN UNTUK PERKHIDMATAN KONSULTAN BAGI
PROJEK PEMBANGUNAN SISTEM TEAM EXCELLENCE (KIK/ICC)
DI PEJABAT TANAH DAERAH TANGKAK

1.0 TUJUAN

1.1 Kertas cadangan ini bertujuan memohon pertimbangan dan kelulusan dari Lembaga Pengurusan MPC berkaitan permohonan peruntukan untuk perkhidmatan konsultan bagi Projek Pembangunan Sistem Team Excellence (KIK/ICC) di Pejabat Tanah Daerah Tangkak. Program ini dijangka dilaksanakan dalam tempoh masa selama 4 bulan.

2.0 LATARBELAKANG

2.1 Projek Pembangunan Sistem *Team Excellence* KIK/ICC) adalah salah satu program yang ditawarkan kepada pelanggan MPC sama ada di sektor awam atau pun swasta iaitu dalam bentuk latihan, perundingan bagi menggalakkan penyertaan organisasi di dalam konvensyen yang dianjurkan oleh MPC.

2.2 Pelaksanaan aktiviti di dalam *Team Excellence* membolehkan kesemua golongan kakitangan memberi sumbangan dan idea yang bernas melalui proses penyelesaian masalah dan sekaligus meningkatkan kualiti perkhidmatan di organisasi. Dari platform ini, mereka akan belajar untuk mengembangkan pelbagai potensi diri sejajar dengan keperluan semasa yang sedang bergerak ke arah status pekerja berinovasi dan berpengetahuan luas. Persekitaran sebegini akan dapat membentuk budaya kerja yang memberi penekanan terhadap peningkatan kualiti dan produktiviti di dalam produk dan perkhidmatan organisasi.

3.0 JUSTIFIKASI/FAEDAH-FAEDAH

3.1 Pelantikan konsultan yang berwibawa dan professional adalah penting bagi memastikan perkhidmatan latihan kepada pelanggan MPC dapat dicapai dan mengikut prosedur yang tepat.

3.2 Bagi memastikan kualiti penyampaian konsultan yang dilantik untuk menjalankan latihan adalah cemerlang dan berjaya mencapai objektif kursus yang telah ditetapkan oleh pelanggan.

4.0 PECAHAN YURAN PROGRAM DAN PERBELANJAAN

4.1 Jadual di bawah adalah pecahan yuran dan perbelanjaan program berdasarkan kepada kertas cadangan yang telah dipersetujui Pejabat Tanah Daerah Tangkak.


Bil	Program	Jumlah Yuran (RM)	Cadangan Bayaran Pembekal (RM)	Hasil MPC (RM)
1.	Kursus Pengenalan & Panduan Pelaksanaan KIK / ICC (Fizikal – 1 hari)	4,500	2,000	2,500
2.	Kursus 7QC Tools & Technique (Fizikal – 1 hari)	4,500	2,000	2,500
3.	Khidmat Nasihat 1	2,500	2,000	500
4.	Khidmat Nasihat 2	2,500	2,000	500
5.	Khidmat Nasihat 3	2,500	2,000	500
6.	Khidmat Nasihat 4	2,500	2,000	500
7.	Khidmat Nasihat 5	2,500	2,000	500
Jumlah Keseluruhan		21,500	14,000	7,500

- Kadar bayaran pembekal adalah berdasarkan kepada JPPK MPC dan tertakluk kepada perubahan

5.0 SYOR

5.1 Lembaga Pengurusan MPC adalah dipohon bagi meluluskan permohonan peruntukan operasi sebanyak RM14,000.00 untuk perkhidmatan konsultan bagi Projek Pembangunan Sistem Team Excellence (KIK/ICC) di Pejabat Tanah Daerah Tangkak.

Disediakan oleh:




Nazilah Ahmad

Penolong Pengurus

MPC Wilayah Selatan

Tarikh: 9/6/2021

Disahkan oleh:



Zainudin Haji Elias

Pengarah Wilayah

MPC Wilayah Selatan

Tarikh: 9/6/2021